

Industri logistik Malaysia masih menghadapi cabaran termasuk kekurangan infrastruktur dan penyambungan internet terhad, penggunaan pendigitalan rendah, peraturan membebankan, kekurangan tenaga kerja mahir serta faktor luaran seperti pandemik Covid-19.

Berdasarkan laporan Tinjauan Ekonomi 2021, pelan induk ini mengetengahkan potensi logistik e-dagang dan adaptasi pendigitalan untuk meningkatkan daya saing serta kecekapan dalam industri logistik ke arah

infrastruktur dan Fasiliti Perdagangan (2015 hingga 2020) menetapkan kerangka strategik serta hala tuju untuk memperkuatkan kedudukan Malaysia sebagai pintu masuk logistik pilihan di Asia.

Oleh itu, Pelan Induk Lo-

Tingkat kemudahan platform digital

gistik dan Fasiliti Perdagangan (2015 hingga 2020) menetapkan kerangka strategik serta hala tuju untuk memperkuatkan kedudukan Malaysia sebagai pintu masuk logistik pilihan di Asia.

Selain itu, aspek utama infrastruktur digital seperti rangkaian ICT, infrastruktur data, platform digital dan peranti perlu sesuai serta boleh diperbaiki bagi menggalakkan firma logistik melabur dalam pendigitalan.

penyediaan perkhidmatan logistik baharu, maju dan berautomasi.

Penerimaan terhadap pendigitalan membolehkan pemain industri menguruskan operasi perniagaan dengan cekap dan menyediakan perkhidmatan logistik lancar kepada pelanggan seluruh dunia.

Hal ini membolehkan operasi perniagaan dilaksanakan dengan lebih fleksibel, berdaya

tahan dan kekal berdaya saing.

Pandemik Covid-19 mempercepatkan transformasi digital termasuk firma dalam sektor logistik yang tidak lagi boleh meneruskan perniagaan secara konvensional.

Peningkatan aktiviti e-dagang memerlukan pemain logistik meningkatkan prestasi melalui penyesuaian kepada pematuhan garis panduan ketat supaya dapat

bergerak seiring dengan norma baharu.

Justeru, penggunaan logistik 4.0 dapat meningkatkan kecekapan operasi melalui penjimatkan masa dan kos dalam penyampaian perkhidmatan kepada pengguna seterusnya meningkatkan kelebihan daya saing firma domestik.

Ia juga akan mempercepatkan proses integrasi dengan rantaian bekalan global dan membantu menghubungkan industri eksport utama dengan pasaran antarabangsa.

Ketengahhan
potensi logistik
e-dagang dan adaptasi
pendigitalan